

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	20 MAY 2017

Tiada parti mampu jatuhkan BN: Dr Mahathir

BH- 20/5/2017

Kuala Lumpur: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tiada satu parti di negara ini yang boleh jatuhkan kerajaan yang diperintah Barisan Nasional (BN).

Penasihat Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu berkata, 13 parti komponen di bawah BN hanya mampu ditewaskan sekiranya wujud kesepakatan dalam kalangan semua parti pembangkang untuk bekerjasama di bawah satu blok pakatan sahaja.

Dalam sesi temuramah yang disiarkan secara langsung menerusi akaun Facebooknya semalam, Dr Mahathir berkata, PPBM masih ter-

buka untuk menerima PAS menyertai blok pakatan pembangkang.

Sengaja lewat tubuh pakatan

Jika pihak pembangkang ingin menang dalam pilihan raya umum (PRU) akan datang, beliau berkata, satu pakatan mesti ditubuhkan dalam kalangan pembangkang.

“Tak ada satu parti di Malaysia yang boleh lawan dengan BN. Kalau kita nak menang... mesti ada pakatan kita juga. Sebab itu kita buat Pakatan Harapan (PH). Kita harap PAS masuk sama (PH).

Kita sengaja lewatkan penubuhan pakatan, sebab nak dapatkan persetujuan daripada PAS.

“Tapi PAS lebihutamakan hubungan rapat dengan UMNO. Kita (kerjasama politik) ditamatkan oleh PAS. Tapi kita masih terbuka. Kalau kita tak kerjasama dengan parti pembangkang lain, tak mungkin kita menang,” katanya.

Jawab tiga soalan

Dalam sesi temuramah yang berlangsung lebih 31 minit bertempat di Yayasan Albukhary, Kuala Lumpur, Dr Mahathir menjawab tiga soalan yang mendapat ‘like’ paling



Tak ada satu parti di Malaysia yang boleh lawan dengan BN. Kalau kita nak menang... mesti ada pakatan kita juga”

Dr Mahathir Mohamad,
Penasihat PPBM

tinggi di ruang komen entrinya dan dua lagi pula dipilih secara rawak.

Beliau juga mendakwa, PAS pernah mengkafirkan orang Islam selain pernah bertahaluf siyasi dengan DAP yang kini sudah menjadi seteru parti Islam itu.

“PAS guna agama Islam secara salah untuk mencari kemenangan... umpamanya, kafirkan orang Islam lain. Salah, dalam al-Quran tak dibenarkan (mengkafir). Itu yang dilakukan PAS. Sekarang PAS bekerjasama dengan UMNO yang dikafirkan oleh PAS dahulu,” katanya.